

# Kalau pembangkang cukup SD, bawalah ke Parlimen

Oleh MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN  
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabar pembangkang membawa akuan sumpah berkanun (SD) kononnya mereka ada sokongan untuk membentuk kerajaan ke Parlimen.

Perkara itu timbul selepas wujud cakap-cakap wujud gerakan yang dicetuskan oleh Perikatan Nasional (PN) yang mendakwa memiliki akuan bersumpah cukup bagi menumbangkan Kerajaan Perpaduan.

Bagaimanapun, sehingga kini, tiada bukti dan laporan menyatakan pembangkang diketuai Ahli Parlimen Larut, Datuk Seri Hamzah Zainuddin mempunyai jumlah sokongan mencukupi untuk mengganti Anwar sebagai Perdana Menteri.

Anwar turut mengulangi pendiriannya bahawa Kerajaan Perpaduan dipimpinnnya akan terus kukuh dan bertahan dalam tempoh lima tahun akan datang sehingga Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

“Tidak mengapalah, kalau dia (Hamzah) ada, tunggu pada persidangan Parlimen, bawalah usul SD tiada masalah.

“Ini setiap minggu dia jadi macam mengigau, sebelum hari raya, sebelum puasa, selepas hari raya, sebelum hari raya haji, sebelum Thaipusam, Tahun Baru Cina.



**ANWAR Ibrahim bersalam dengan para jemaah selepas selesai menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek As-Solihin, Banting, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI**

“Jadi, tunggulah, insya-Alah kita akan kekal penuh hingga pilihan raya umum akan datang. Saya amat yakin,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-75 dan Perasmian Ibu Pejabat Kebangsaan Bulan Sabit Merah, di sini semalam.

Sebelum menyifatkan Hamzah sebagai ‘mengigau’, Anwar sebelum ini turut melabel Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang mengigau dan tidak mengendahkan ramalan Ahli

Parlimen Marang itu bahawa kerajaan pimpinannya akan tumbang tidak lama lagi.

“Tak apalah, biar dia (Hadi) merancang dan mengigau,” katanya seperti dilapor Mac lalu.

Kerajaan pimpinan Anwar kini merupakan kerajaan kuat dan stabil dengan sokongan melebihi dua pertiga iaitu 148 ahli Parlimen.

Pada 19 Disember 2020, Anwar berjaya melepasi ujian pertamanya selepas Dewan Rakyat meluluskan undi percaya terhadapnya secara undian suara.

Sementara itu, Anwar berkata, kerajaan akan tetap membawa pulang ahli perniagaan dalam buruan ekoran skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Low Taek Jho atau Jho Low ke Malaysia secepat yang mungkin.

Perdana Menteri bagaimanapun mengakui proses membawa pulang Jho Low adalah sukar.

“(Soal rundingan dengan negara lain), ia dirunding dengan negara-negara melalui saluran diplomatik. Ia melibatkan banyak negara, perkhidmatan perisikan, Interpol dan lain-lain,” katanya.